

23 JAN 2003

Mahathir-Pelajar/I

BUKA MINDA ANDA, NASIHAT PERDANA MENTERI

Oleh: Muin Abdul Majid

KAHERAH, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ramai pelajar Malaysia yang datang menuntut di Mesir enggan untuk membebaskan minda mereka sebaliknya dilihat lebih ekstrem daripada rakyat Mesir sendiri.

Sambil melahirkan rasa kecewanya dengan perkara itu, Perdana Menteri berkata mereka akan contohnya menutupi seluruh diri mereka dan mengikuti penghayatan paling ekstrem dalam Islam.

"Saya tidak faham. Sebenarnya jika anda datang ke Mesir, minda anda akan lebih terbuka, sebagai contoh, terdapat patung Firaun dan penduduk tidak bimbang mengenainya, mereka tidak membantah terhadapnya, dan anda boleh melihat di Kaherah, sebuah masjid didirikan bersebelahan dengan gereja, sekali lagi ini tidak menimbulkan masalah.

"Rakyat patut belajar menjadi lebih berfikiran terbuka tetapi kita kecewa memandangkan Melayu yang datang ke sini dilihat lebih ekstrem daripada rakyat Mesir sendiri," katanya kepada para wartawan Malaysia pada petang Rabu semasa ditanya mengenai tanggapannya terhadap pelajar Malaysia di sini.

Semasa bercakap dalam pesisiran di Sungai Nil, Dr Mahathir berkata pelajar berkenaan lebih baik duduk di rumah dan belajar mengenai agama mereka di sana kerana mereka tidak mempelajari apa-apa daripada Mesir.

Semasa ditanya sama ada keadaan itu berpunca daripada pengaruh parti politik tertentu, Perdana Menteri berkata ianya mungkin.

"Kita tahu bahawa parti politik tertentu sentiasa menghantar orang mereka untuk meracuni fikiran pelajar, untuk memberitahu mereka supaya membenci kerajaan. Jadi disebabkan itulah mereka (pelajar) menjadi seperti ini, jika tidak, mereka tidaklah begitu," katanya.

Dr Mahathir berkata para pelajar Malaysia dihantar ke Universiti Al Azhar dengan harapan mereka akan belajar tetapi ada juga yang tidak belajar, malah tidak dapat menguasai bahasa Arab.

Menurutnya, ada di kalangan mereka yang berada di Mesir agak lama tetapi tidak mencapai apa-apa kejayaan dan ini menyebabkan mereka sukar mendapat peluang pekerjaan apabila kembali ke tanah air.

Kecewa kerana tidak mendapat kerja dan marah kepada kerajaan, beliau berkata mereka tidak boleh menyalahkan sesiapa dalam hal ini kerana mereka sendiri yang memilih untuk belajar atau tidak belajar ketika berada di Mesir.

"Mereka tidak boleh salahkan sesiapa. Kita dah bagi tahu bahawa penuntut-penuntut kita perlu belajar aneka jenis pelajaran, kalau semua belajar satu pelajaran, maka sukarlah untuk kita mengadakan peluang kerja untuk mereka," katanya.

Dr Mahathir turut berkata sesiapa yang mengambil bidang agama, peluang kerja adalah terhad.

"(Jika) Kita nak belajar sesuatu bidang, kita kena tahu tentang peluang-peluang yang kita dapat di bidang itu. Sekarang ini kebanyakan daripada orang yang belajar yang dalam bidang IT (teknologi maklumat), sains, kejuruteraan, orang ini dapat peluang kerja banyak," katanya.

Menurutnya, terpulanglah kepada penuntut dan ibu bapa mereka untuk memilih, dan kadang-kadang ibu bapalah yang memaksa anak mereka belajar bidang agama umpamanya untuk menjadi hafiz.

"Tapi kita tak ada banyak peluang kerja sebagai hafiz...Kita nak juga hafiz tapi taklah terlalu ramai," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menyekat kedatangan pelajar ke Mesir.

"Tapi kita bagi nasihat. Kalau esok balik tak ada peluang kerja, jangan salah orang lain, kita (mereka sendiri) yang pilih," katanya.

Perdana Menteri berkata ada baiknya jika pelajar Malaysia datang melalui kedutaan kerana ini memudahkan kerajaan mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan mereka termasuk jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Kini terdapat lebih 6,000 pelajar Malaysia di Mesir yang kebanyakannya menuntut di Universiti Al Azhar.

Mengulas pertemuannya dengan Sheikhu Al Azhar, Dr Mohammad Sayed Tantawi semalam (Rabu), Dr Mahathir berkata beliau dimaklumkan tentang sikap sederhana yang diamalkan universiti itu.

"Al Azhar mahu melihat para pelajar mencapai kejayaan dan mereka berpeluang untuk bekerja (kemudian). Al Azhar sangat pragmatik. Sebab itu mereka juga mempunyai kursus kejuruteraan, perubatan dan lain-lain subjek. Ya, kamu perlu belajar agama tetapi kamu juga mesti belajar subjek lain," kata beliau.

Mengenai perbincangan dengan rakan sejawatan beliau dari Mesir, Dr Atef Muhammad Muhammad Ebeid, Dr Mahathir berkata sudah dipersetujui bahawa kedua-dua negara perlu bertukar maklumat mengenai pengalaman masing-masing dalam soal pembangunan bagi membolehkan Malaysia dan Mesir belajar daripada satu sama lain.

Perdana Menteri turut bertemu Presiden Mesir, Hosni Mubarak yang perbincangan mereka menyentuh tentang perkembangan di kawasan yang sedang tegang seperti Iraq dan Palestine.

Ditanya mengenai ucapan beliau yang mengkritik orang Islam, yang disampaikan di Universiti Al Azhar, Dr Mahathir berkata, berterus terang dalam mengeluarkan pandangan sudah menjadi cara beliau, walaupun orang mungkin tidak menyukainya.

"Jika saya silap, beritahu di mana silap saya. Jika saya memetik Quran atau hadis, beritahu saya sekiranya ia tidak terdapat dalam Quran atau hadis.

"Jangan kata ia disebut oleh Dr Mahathir, beliau tidak layak. Tetapi soalnya sama ada apa yang saya kata betul atau tidak. Jika saya mentafsirnya, adakah ia merupakan tafsiran yang betul. Jika saya berkata perlu wujud persaudaran di kalangan orang Islam, adakah saya berkata sesuatu yang salah," ujar beliau.

Dr Mahathir berlepas ke Switzerland pada pagi Khamis untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos.

-- BERNAMA

MAM HM